

14/10/1998

Harakah diingat patuhi peraturan

KUALA LUMPUR, Selasa - Kementerian Dalam Negeri (KDN) hari ini mengingatkan akhbar terbitan Pas, Harakah, supaya mematuhi penerbitannya iaitu hanya menjual kepada ahli parti itu.

Timbalan Menterinya, Datuk Tajol Rosli, berharap akhbar itu mematuhi peraturan dan syarat yang dikenakan oleh KDN bagi mengelak daripada dikenakan tindakan.

"Syarat yang dikenakan ialah Harakah hanya untuk ahli kerana itu Pas perlu memastikan ia hanya dijual kepada ahli," katanya ketika dihubungi hari ini.

Walaupun Harakah, yang diterbitkan Jabatan Penerangan dan Penyelidikan Pas Pusat adalah akhbar dalaman parti itu, ia dijual secara berleluasa kepada orang ramai.

Pada perhimpunan agung Umno tahun lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Dalam Negeri memberi amaran kepada Harakah dan Rokat (akhbar DAP) supaya tidak dijual secara terbuka kerana kedua-duanya tidak mempunyai permit KDN untuk berbuat demikian.

(END)